

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil kemudahan Perdagangan Saham 2-dalam-1- i (M2-i). Pastikan anda juga membaca terma dan syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Dapatkan penjelasan daripada institusi kewangan anda sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma am yang berkaitan.



Produk: Perdagangan Saham 2-dalam-1 - i (M2-i)

Tarikh : 28 Julai 2026

1. Apakah produk ini?

M2-i merupakan produk pembiayaan margin Islam jangka pendek untuk tempoh 30 hari kalendar bagi setiap kontrak pembelian saham.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini adalah berasaskan kepada urus niaga jual beli secara langsung saham patuh Syariah yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Bank akan bertindak sebagai ejen bagi pihak pelanggan untuk memudah cara urus niaga pembelian dan penjualan saham di Bursa Malaysia. Produk pembiayaan margin distruktur menggunakan prinsip Murabahah melalui konsep Tawarruq.

Mekanisma Komoditi Murabahah:

- i. Selepas mendapatkan kelulusan Kenanga Investment Bank Berhad ("Bank") bagi penyediaan pembiayaan margin Islam kepada pelanggan, pelanggan akan melaksanakan perjanjian Komoditi Murabahah yang memerlukan Bank untuk membeli komoditi patuh Syariah daripada pembekal komoditi pada harga belian Bank.
- ii. Bank kemudiannya menjual komoditi tersebut kepada pelanggan pada harga jualan Bank yang akan dibayar mengikut terma pembayaran tertunda seperti yang telah dipersetujui.
- iii. Pelanggan akan melantik bank sebagai ejen untuk menjual komoditi kepada pembeli komoditi pada harga yang setara dengan harga belian Bank.
- iv. Setelah urus niaga jualan komoditi dimuktamadkan, jumlah pembiayaan yang bersamaan dengan harga belian Bank akan tersedia di bawah kemudahan tersebut untuk dimanfaatkan oleh pelanggan.

-Halaman ini sengaja dibiarkan kosong-

3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?

Gandaan Dagangan	Tunai: 2.5 kali ganda nilai cagaran tunai Saham: 1.5 kali ganda nilai cagaran saham (tertakluk kepada nilai had yang ditetapkan, jika berkenaan)
Ciri Kadar	Kadar Keuntungan Siling dan Kadar Keuntungan Efektif
Kadar Keuntungan Silin	12% setahun
Kadar Keuntungan Efektif	Dikira berdasarkan amaun sebenar bagi setiap penggunaan kemudahan, berasaskan 365 hari setahun (kini 11.00% setahun)
Keuntungan Dikenakan	Tiada caj keuntungan dikenakan sehingga T+10. Selepas tempoh tersebut, keuntungan akan dikira berdasarkan kadar keuntungan efektif yang berkuat kuasa.

Nota : T = Hari Dagangan (Trading Day).

Sila rujuk butiran lanjut sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Bank.

4. Apakah tanggungjawab saya ?

- Anda hendaklah mengekalkan margin yang diperlukan sepanjang tempoh kemudahan berdasarkan peratusan yang ditentukan oleh Bank.

Nisbah Penyelenggaraan Yang Diperlukan	165% – Tiada penggunaan kemudahan atau pengeluaran cagaran dibenarkan sekiranya nilai pasaran cagaran jatuh di bawah 165%.
Nisbah Ekuiti Yang Diperlukan	150% – Panggilan Margin (Margin Call) akan dikeluarkan sekiranya nilai pasaran cagaran jatuh di bawah 150%. Anda hendaklah, dalam tempoh tiga (3) hari pasaran, mencagarkan tunai tambahan dan/atau saham yang diterima oleh Bank bagi memastikan liputan cagaran kembali kepada sekurang-kurangnya 150%. Sekiranya anda gagal memulihkan liputan cagaran kepada Nisbah Ekuiti Yang Diperlukan dalam tempoh yang ditetapkan, Bank berhak untuk melaksanakan jualan paksa (force selling) ke atas sekuriti anda pada hari pasaran keempat selepas tarikh panggilan margin. Selain itu, anda akan digantung daripada membeli sebarang sekuriti baharu di bawah kemudahan ini sebaik sahaja panggilan margin dikeluarkan sehingga Nisbah Ekuiti Yang Diperlukan dipulihkan dan diterima oleh Bank.

- Anda hendaklah membayar sepenuhnya amaun yang telah digunakan, merangkumi jumlah prinsipal dan keuntungan, pada atau sebelum tamat tempoh tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh setiap penggunaan kemudahan.

5. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Bank berhak untuk mendapatkan pampasan melalui mekanisme berikut:

Nisbah Jualan Paksa (Force Sell Ratio)	130% – Jualan Paksa: Sekiranya nilai pasaran cagaran jatuh di bawah 130%, Bank mempunyai hak mutlak untuk, tanpa memberikan sebarang notis kepada pelanggan, menjual atau melupuskan saham yang tersedia dan/atau apa-apa cagaran lain yang diberikan oleh pelanggan bagi memastikan dan mengekalkan liputan cagaran pada kadar 150% atau lebih tinggi.
Caj Bayaran Lewat (Late Payment Charge - LPC)	Bank boleh mengenakan LPC sekiranya anda gagal menjelaskan sebarang amaun tertunggak dan kegagalan tersebut berterusan selepas tarikh matang kemudahan. LPC yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia terdiri daripada gabungan Ta'widh (ganti rugi/pampasan) dan Gharamah (denda/penalti). LPC akan dikira berdasarkan mekanisme berikut: a. Jumlah Tertunggak (Overdue) Bank boleh mengenakan LPC pada kadar satu peratus (1%) setahun ke atas jumlah yang belum dijelaskan, dikira dari tarikh kemungkiran sehingga tarikh pembayaran sekiranya kemungkiran berlaku dalam tempoh kemudahan masih berkuat kuasa (<i>availability period</i>). Caj ini dikategorikan sebagai Ta'widh (pampasan) dan Bank berhak untuk menerima jumlah tersebut sebagai pampasan atas kelewatan pembayaran. b. Selepas Tarikh Matang (Upon Maturity) Bank boleh mengenakan LPC ke atas jumlah yang belum dijelaskan pada kadar yang tidak melebihi Kadar Pembiayaan Purata (Average Financing Rate, AFR) Bank sekiranya kemungkiran berterusan selepas tamat tempoh kemudahan. Kadar LPC dalam keadaan ini terdiri daripada gabungan Ta'widh dan Gharamah, yang akan dikira seperti berikut: • Bahagian Ta'widh dalam LPC akan dikira berdasarkan kadar harian semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam semalaman (Islamic Interbank Money Market - IIMM) ke atas baki tertunggak (terdiri daripada prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru), atau pada kadar lain yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa. Bank berhak menerima pampasan berdasarkan kadar tersebut atas kerugian yang ditanggung secara langsung akibat kelewatan pembayaran atau kemungkiran oleh anda. • Bahagian Gharamah, iaitu perbezaan antara jumlah LPC yang dikenakan dan amaun Ta'widh, akan disalurkan kepada badan-badan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa LPC yang dikenakan tidak akan ditambahkan atau dikompaunkan ke dalam amaun pembiayaan tertunggak.

Nota: Sila rujuk butiran lanjut sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Bank.

6. Apakah yang berlaku jika saya membuat penyelesaian awal pembiayaan sebelum tarikh matang?

Sekiranya anda membuat penyelesaian awal pembiayaan sebelum tarikh matang, Bank akan memberikan ibra' (rebat) ke atas sebahagian daripada harga jualan Bank berdasarkan keadaan-keadaan tertentu dan mengikut kaedah yang diguna pakai oleh Bank. Pengiraan ibra' yang dibuat oleh Bank adalah muktamad dan mengikat.

7. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis Fi	Fi Dan Caj
Fi	Selaras Peraturan-Peraturan Bursa Malaysia
Fi Penjelasan	Bagi urus niaga dalam pasaran, caj penjelasan adalah 0.03% daripada nilai transaksi (dibayar oleh kedua-dua pembeli dan penjual), tertakluk kepada had maksimum RM1,000 bagi setiap kontrak. Bagi urus niaga luar pasaran, caj penjelasan adalah 0.03% daripada nilai transaksi (dibayar oleh kedua-dua pembeli dan penjual) atau minimum RM10, tertakluk kepada had maksimum RM1,000 bagi setiap kontrak.
Duti Setem	Kadar duti setem adalah bergantung kepada kategori saham/sekuriti: Kategori 1: 0.10% tertakluk kepada had maksimum RM1,000 (Saham dan Sekuriti) • Saham induk • Saham keutamaan • Stok pinjaman • Bon • ETB Kategori 2: 0.10% tertakluk kepada had maksimum RM200 • Waran • Waran berstruktur – jualan sahaja • Hak (<i>rights issue</i>) atau <i>loan rights (LR)</i> • Amanah Pelaburan Hartanah • Dana Tertutup • Unit Amanah • Sekuriti Berstapel (REITs) Lain-lain: Dikecualikan Daripada Duti Setem • Dana Dagangan Bursa (ETF) yang disenaraikan di Bursa Malaysia – pengecualian sehingga Disember 2028 • Waran berstruktur – pembelian dikecualikan duti setem sehingga Disember 2028 Nota: <i>Kadar duti setem di atas terpakai bagi kedua-dua sekuriti konvensional dan sekuriti patuh Syariah (jika berkenaan).</i>

Pembukaan Akaun CDS	RM10.80 (termasuk SST 8%) seperti yang dikenakan oleh Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. bagi pembukaan akaun CDS.
Pemindahan Saham CDS	RM10.80 (termasuk SST 8%) bagi setiap kaunter, seperti yang dikenakan oleh Bursa Malaysia untuk pemindahan saham CDS.
Pengaktifan Semula Akaun CDS	RM5.40 (termasuk SST 8%) seperti yang dikenakan oleh Bursa Malaysia untuk pengaktifan semula akaun CDS yang tidak aktif.
Yuran Tambahan bagi produk Pembiayaan Margin Islam:	
Yuran Dagangan Komoditi	RM15 bagi setiap RM1,000,000 (atau sebahagiannya) nilai komoditi yang didagangkan.
Duti Setem Perjanjian	1. Duti setem ad valorem sebanyak 0.5% daripada had pembiayaan margin saham yang diluluskan akan dikenakan ke atas perjanjian utama pembiayaan margin saham; dan 2. Duti setem tambahan sebanyak RM10.00 bagi setiap dokumen berkaitan, seperti Surat Tawaran, Jaminan dan Indemniti (jika berkenaan) dan Surat Tawaran Tambahan.

8. Adakah saya perlu menyediakan penjamin atau cagaran? Keperluan untuk menyediakan penjamin adalah tertakluk kepada penilaian kredit individu yang dijalankan oleh Bank. Cagaran diperlukan memandangkan sifat produk ini yang melibatkan kemudahan pembiayaan margin.
9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat, notis dan komunikasi daripada Bank dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.
10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan? Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi kami melalui saluran berikut: (1) Pertanyaan Dalam Talian <u>Pusat Sokongan Pelanggan (Client Support Center), KIBB</u> Talian Bebas Tol: 1800-88-2274 Luar Negara: +603 2172 2667 WhatsApp: +6017 243 8740 E-mel: kentrade@kenanga.com.my (2) Pertanyaan Pembukaan Akaun Dagangan Runcit / Korporat Telefon: +603 2172 2866 E-mel: equitybroking@kenanga.com.my

Waktu Operasi

Anda boleh menghubungi kami pada hari bekerja seperti berikut:

Isnin hingga Khamis: 8.30 pagi – 5.30 petang

Jumaat: 8.30 pagi – 12.30 tengah hari, dan 2.30 petang – 5.30 petang

Kami tidak beroperasi pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum Bursa Malaysia.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut atau aduan berkaitan produk ini, sila hubungi kami melalui saluran berikut:

Kenanga Investment Bank Berhad
Level 10, Kenanga Tower
No 237, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel : 03- 2172 2686
E-mail : complaints@kenanga.com.my

12. Produk lain yang ditawarkan

- Pembiayaan Margin Normal-i (M3-i)

Penafian :

- Semua maklumat yang dinyatakan di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Semua kadar yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu.
- Semua terma dan syarat yang berkaitan adalah terpakai.
- Semua produk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Maklumat yang terkandung dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah pada 28 Julai 2026 sehingga semakan berikutnya dibuat.